

Transformasi diri persediaan kehidupan pasca pandemik

Prof Madya
Dr Cheng Jack Kie,
Fakulti
Pengurusan
Industri Universiti
Malaysia Pahang

Pada awal 2020, kita dikejutkan penularan wabak COVID-19 yang merebak pantas seluruh dunia.

Selepas lebih setahun berperang dengan pandemik, kita masih menyaksikan peningkatan jangkitan COVID-19, varian baharu lebih ganas serta kes kematian tinggi.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berpanjangan serta pelaksanaan ketat pematuhan prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekang COVID-19 membawa perubahan mendadak terhadap gaya hidup kita.

Norma baharu memberi pelbagai kesan kepada masyarakat. Sebahagian besar kita sudah mulai tertekan disebabkan kekusaran berkaitan kelangsungan hidup.

Kelesuan pandemik juga mula kelihatan dalam kalangan masyarakat. Pasti setiap kita berharap kehidupan dapat dikembalikan seperti sebelum COVID-19 melanda.

Alangkah bagus jika boleh merentas negeri, melawat ibu dan ayah di kampung, membeli-belah di kompleks dan pasar malam, bersiar di taman, berkelah di pantai, menonton wayang, melepak di kedai mamak serta melancong ke luar negara.

Tanpa pelitup muka, tiada penjarakan fizikal dan tiada kawalan pergerakan. Kita semua pasti merindui kehidupan sebelum munculnya virus COVID-19.

Ketika mengeluh dengan norma baharu, kita patut mengenang sejenak perkara dahulunya yang tidak dapat kita lunaskan.

Jika dahulu ada kesihatan terabai, hubungan keluarga atau sosial yang tidak dibaja dengan kerukunan, konflik yang belum dilerai atau memori silam yang menghiris hati. Adakah kita masih mahu membawa semua ini kepada kehidupan pasca pandemik?

Seterusnya bagaimana pula senarai azam baharu yang sering dilaungkan, tetapi sehingga kini belum terlaksana?

Kita selalu mempunyai pelbagai alasan untuk menangguk azam sehingga ke masa atau keadaan lebih sesuai. Kita pasti pernah berhasrat memperbaiki kualiti kesihatan, ingin mempelajari skil baharu, hendak mengubah gaya pemikiran atau merancang kewangan peribadi dan keluarga.

Adakala kita hanya sekadar menulis azam, tetapi tidak bekerja keras dan tiada komitmen untuk mencapainya.

The Great Reset dijadikan tema persidangan Forum Ekonomi Dunia (WEF) Ke-51 berlangsung di Davos, Switzerland pada Januari 2020.

Pengasas dan Pengerusi Eksekutif WEF, Klaus Schwab percaya kemunculan pandemik COVID-19 memberi dunia satu peluang keemasan untuk berhenti, refleksi dan *reset* atau tetap semula.

Seterusnya, pemimpin dunia harus bertindak bersama memulihkan dunia, sekali gus membina masa hadapan lebih lestari, saksama dan sejahtera.

Seperti *The Great Reset* pada peringkat global, gunakan tempoh PKP ini sebagai satu peluang untuk refleksi diri.

Ayuh kita mula dengan melihat kembali perkara positif daripada prapandemik yang ingin kita kekalkan. Seterusnya, kita cuba memperbaiki dan mengubah perkara negatif yang kita warisi daripada kehidupan prapandemik.

Tidak lupa juga kepada azam belum tercapai itu. Rancanglah sebaik-baiknya.

Rebut peluang ini untuk buang yang keruh, ambil yang jernih dan tingkatkan keazaman, seterusnya tetap semula serta transformasi diri untuk bersedia menghadapi kehidupan pasca pandemik yang lebih baik.